

15/06/2002

Kuota sekat pelajar Bumiputera ke IPTS: PM

Kadir Dikoh

SUBANG, Jumaat - Sebarang langkah untuk mengenakan sistem kuota bagi pengambilan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) akan menyekat serta mengehadkan jumlah kemasukan lebih ramai mereka ke situ.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, jika kuota 10 peratus diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera untuk memasuki IPTS, bermakna hanya jumlah itu saja boleh masuk sedangkan ramai lagi yang layak.

"Mengapa perlu menetapkan 10 peratus jika kita boleh mempunyai 40, 60 atau 100 peratus (Bumiputera ke IPTS). Sudah ada universiti swasta di mana kita ada sejumlah besar (pelajar Bumiputera).

"Jika anda kata 10 peratus, anda sebenarnya mengehadkan mereka. Jika mereka layak, mereka tidak sepatutnya dikurangkan kepada 10 peratus saja tetapi harus dibenarkan masuk seberapa banyak," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini selepas pulang daripada lawatan seminggu ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg, hari ini.

Baru-baru ini, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pihaknya tidak teragak-agak untuk menuntut IPTS supaya memberikan kuota 10 peratus kepada pelajar Bumiputera jika mereka gagal menseimbangkan kedudukan kaum di institusi pendidikan swasta itu.

Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) turut mencadangkan kerajaan mewajibkan IPTS melaksanakan sistem kuota. Syor sistem kuota untuk IPTS itu timbul semula berikutan langkah kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera ke MRSM.

Minggu lalu pula, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dipetik sebagai berkata, soal kuota 10 peratus pelajar Bumiputera dalam IPTS tidak perlu kerana mereka menerima pelbagai kemudahan untuk belajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan universiti luar negara.

Hishammuddin menyifatkan kenyataan Presiden MCA itu angkuh dan tidak sensitif kepada perpaduan kaum. Berikutan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta isu itu dibawa ke Kabinet serta menyarankan Hishammuddin dan Dr Ling bertemu membincangkannya.

Kabinet Rabu lalu pula memutuskan bilangan pelajar Bumiputera di IPTS harus ditingkatkan sejajar saranan Pergerakan Pemuda Umno.

Dr Mahathir bagaimanapun menyifatkan apa yang berlaku di antara Dr Ling dan Hishammuddin itu sebagai salah faham.

Beliau berkata, ramai pelajar Bumiputera yang layak dan ini berlaku di IPTA dengan jumlah mereka melebihi kuota tetapi pada masa yang sama, 55 peratus kuota dikenakan.

"Ini menyebabkan ramai Bumiputera tidak dapat masuk (ke IPTA). Tetapi tahun ini, seperti diketahui, lebih 60 peratus masuk ke universiti (awam).

"Jika jumlah Bumiputera yang layak untuk menyertai universiti swasta adalah tinggi, mereka harus dibenar masuk. Ia tidak harus ada kuota. Katakan 10 peratus, walaupun mereka layak, tak dapat masuk (melebihi 10 peratus)...itu salah," katanya.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan mengumumkan, 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelayakan setaraf, termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermula tahun ini dan bukan lagi

sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukkan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera, seperti diamalkan sebelum ini.  
(END)